

## Thomson Reuters, Bondweb jalin kerjasama

KUALA LUMPUR 4 Julai - Agensi berita antarabangsa Thomson Reuters dan agensi penetapan harga bon tempatan Bondweb Malaysia Sdn. Bhd. bersetuju menggabungkan kandungan mereka dalam satu produk tunggal untuk terus membantu peserta dalam membangunkan portfolio mereka yang boleh mewujudkan lebih banyak mudah tunai dalam pasaran bon.

Meskipun Malaysia merupakan penerbit sukuk terbesar dunia, hanya satu peratus daripada bon itu diniagakan setiap hari, kata Ketua Pegawai Operasi Bondweb Malaysia, Meor Amri Meor Ayob.

Beliau berkata, dengan menjadi rakan strategik untuk menyediakan kandungan pendapatan tetap Islam kepada Thomson Reuters, peserta pasaran akan mempunyai penanda aras penetapan harga untuk dirujuk bagi meningkatkan lagi dagangan.

Bondweb Malaysia akan menyediakan harga dinilai bagi bon, bermakna harga yang dikira berdasarkan kepada kriteria tertentu oleh agensi, kata Meor Amri.

- Bernama